

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2000/2001**

September/Oktoper 2000

BOI 104/3 - Genetik

Masa : [3 jam]

Jawab **LIMA** daripada **ENAM** soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

....2/-

1. Berikan hukum-hukum Mendel. Terangkan keadaan-keadaan yang akan memberikan keputusan lain daripada keputusan Mendel.

(20 markah)

2. Sayap vestigial pada *Drosophila* ditentukan oleh gen resesif *vg*. *Cardinal* (iaitu mata berwarna oren) ditentukan oleh gen resesif *cd* dan warna badan *eboni* ditentukan oleh gen resesif *e*. *Drosophila* homozigot untuk **sayap vestigial dan cardinal** dikacukkan dengan *Drosophila* homozigot untuk **eboni** (kacukan induk). Hasilnya, iaitu F_1 , kemudiannya dikacukujikajikan. Hasil kacukuji adalah seperti berikut:-

Fenotip	Bilangan
Vestigial, cardinal	701
Eboni	703
Vestigial, eboni	664
Cardinal	732
Vestigial	51
Cardinal, eboni	47
Vestigial, cardinal eboni	52
Jenis liar	50
Jumlah	3000

- (a) Apakah genotip induk dan F_1 ?
 (b) Adakah gen-gen ini berangkai? Berikan alasan kepada jawapan anda.
 (c) Untuk gen-gen yang berangkai, kita jarak di antaranya dan buatkan peta gen.

(20 markah)

3. Penyakit alkaptonuria pada manusia disebabkan oleh alel *resesif h*. Kedua-dua ibu bapa diketahui sebagai pembawa (*Hh*).
- (a) Antara lima orang anak mereka, apakah kebarangkalian
- i. kelima-limanya normal
 - ii. empat normal dan satu sakit
 - iii. tiga normal dan dua sakit
 - iv. dua normal dan tiga sakit
 - v. satu normal dan empat sakit
 - vi. kelima-limanya sakit
 - vii. sekurang-kurangnya satu normal dan satu sakit
 - viii. sekurang-kurangnya tiga normal?
- (b) Keluarga di atas bercadang mempunyai anak keenam. Apakah kebarangkalian mendapat seorang anak yang
- i. normal
 - ii. sakit
 - iii. normal atau sakit?
- (c) Jika keluarga di atas mempunyai 12 orang anak, apakah kebarangkalian mempunyai 7 anak normal dan 5 sakit?

(20 markah)

4. (a) Terangkan sistem pengawalan pengekspresan gen oleh operon *lac*.
- (b) Bagaimanakah penghasilan enzim *lac* akan berubah jika berlaku mutasi kepada:
- i. promoter
 - ii. operator
 - iii. gen i
 - iv. gen z
 - v. gen y
 - vi. gen a

(20 markah)

...4/-

5. Bahan genetik mempunyai beberapa sifat, iaitu: boleh **menyimpan maklumat**, boleh menggunakan maklumat yang disimpan, boleh **berreplika** dan boleh bervariasi melalui **mutasi**. Apakah maksud istilah-istilah ini?

(20 markah)

6. Bandingkan dan bezakan:

- (a) Songsangan perisentromer dan songsangan parasentromer.
- (b) Aneuploid dan euploid
- (c) Autopoliploid dan alopolypliod
- (d) Tumbuhan triploid dan tumbuhan tetraploid

(20 markah)

-oooOooo-